

UNIVERSITI Terbuka Malaysia (OUM) julung kalinya akan melahirkan graduan berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) pada majlis konvokesyen pada 20 hingga 30 November ini.

Universiti yang mengamalkan konsep pembelajaran secara fleksibel sejak lapan tahun lalu itu akan menyaksikan tujuh orang graduan berkelulusan Ph.D mengambil sijil masing-masing pada konvokesyen itu.

Timbalan Dekan Pusat Pengajian Siswazah OUM, Profesor Madya Dr. Nagarajah Lee berkata, ini membuktikan pembelajaran peringkat tertinggi secara jarak jauh sebenarnya tidak menjadi halangan dalam menawarkan kursus pada peringkat pasca siswazah sekiranya dikendalikan secara sistematik.

Kata beliau lagi, ia juga bukti bahawa kaedah pembelajaran terbuka dan jarak jauh (Open and Distance Learning) yang memaksimumkan penggunaan berteknologi banyak membantu pelajar mengikuti kursus pasca siswazah yang ditawarkan secara jarak jauh dengan jayanya.


"Sebagai sebuah universiti yang berkonsepkan sistem pembelajaran terbuka dan jarak jauh, kita harapkan OUM akan menjadi peneraju dalam menawarkan program pasca siswazah di kalangan universiti-universiti terbuka di rantau ini" kata Dr. Nagarajah.

Tambah beliau "program pasca siswazah di OUM bukan mudah walaupun dari segi dasarnya sesiapa yang ingin menyambung pendidikan tinggi dan memiliki kelayakan minima dipelawa untuk menyertai program pasca siswazah.

"Proses pembelajaran yang dirancang secara sistematik

OUM julung kalinya melahirkan graduan Ph.D

Berita MINGGU 21 NOV 2010 MIS 7



tersebut tertentu dibawa dari luar negara. Melalui pendekatan yang dilakukan ini, kita percaya pelajar akan dapat peluang untuk mempertingkatkan ilmu mereka," jelasnya.

Menurutnya, tanggapan umum terhadap program Ph.D di OUM terutamanya amat baik, sehingga penilai luar program PhD (Pendidikan) dan PhD (Engineering) masing-masing menyatakan kualiti program ini tinggi berbanding dengan banyak universiti lain.

"Kita faham pelanggan kita adalah pelajar dewasa yang bekerja sepenuh masa, ada komitmen lain. Berdasarkan kepada prinsip pembelajaran dewasa ini, kita mengintergrasikan pengalaman pelajar dewasa kita dengan bahan pembelajaran mereka", katanya.

OUM juga katanya membuat perbandingan dengan model-model universiti terbuka lain dan ia telah menghasilkan satu program berstruktur baru kepada pelajar Ph.D.

Beliau berkata, sekiranya OUM tidak meletakkan struktur yang ketat seperti itu, besar kemungkinan, momentum dan motivasi mereka untuk meneruskan pengajian akan




■ Dr. Nagarajah Lee.

mengadakan perjumpaan tidak formal untuk pelajar Ph.D untuk berkongsi pengalaman mereka dan perjumpaan ini selalunya dianjurkan oleh wakil pelajar dan dinamakan seminar siri pasca siswazah.

Pada pertemuan ini, katanya, pelajar akan diminta membentangkan masalah masing-masing dalam pembelajaran dan akan ada wakil akademik yang akan memberi maklum balas terhadap masalah yang dihadapi.

Sementara itu CGS juga menganjurkan pembentangan akhir semester dan pelajar akan membuat laporan. Proses



■ Baljinder merupakan salah seorang daripada tujuh graduan yang bakal menerima PhD pada majlis konvokesyen OUM yang akan diadakan November ini.

menyaksikan pelajar Ph.D pertama untuk OUM menerima ijazah mereka. Ini merupakan satu faktor yang amat memotivasikan seluruh warga OUM.

Katanya, kejayaan yang dicapai oleh OUM itu adalah daya usaha semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, tidak dilupakan sumbangan pengurus dan eksekutif pusat pengajian siswazah.

Sementara itu, seorang pelajar yang bakal memiliki Ph.D tidak lama lagi Baljinder, menganggap ia merupakan impiannya sejak dahulu lagi.

"Meskipun bekerja sepenuh masa tetapi masalah itu tidak

juga dapati programnya tidak begitu berstruktur dan sangat bersesuaian," katanya.

Menurutnya, di OUM segalanya dilakukan secara terancang berikutan jaraknya yang jauh, kebanyakan pembelajaran dibuat menerusi dalam talian.

"Pelajar hanya perlu belajar menerusi persidangan video dan memulakannya dengan beberapa kursus asas.

"Bagi pelajar yang berada di seberang laut tidak perlu datang ke kampus utama di Kuala Lumpur. Pelajar juga boleh berdiskusi dengan pelajar dalam program sama dari Kedah, Kuala Lumpur dan banyak tempat lagi," katanya.

"Disebabkan saya pensyarah sepenuh masa, terlalu banyak kerja dan kekangan masa adalah masalah saya. Bila menjadi seorang pelajar online, masa saya fleksibel dan saya rasa universiti lain tidak dapat sainginya OUM," katanya

Menurutnya, kalau hendak mencari tempat yang mudah untuk mendapatkan PHD, OUM bukanlah tempatnya kerana sangat menekankan kualiti serta banyak tahap perlu diikuti. Manakala pelajar juga, perlu lulus ujian kelayakan pertama serta ujian kelayakan yang prosesnya agak ketat untuk memastikan kualiti program PHD.

"Disebabkan itu pelajar

membantu pelajar dalam menyempurnakan pengajian mereka," katanya ketika ditemui di pejabat beliau disini baru-baru ini.

Nagarajah berkata, ramai orang mungkin berpendapat mengikuti program Ph.D

secara jarak jauh adalah mudah berbanding mengambil kursus pasca siswazah dengan universiti konvensional.

Namun, katanya, ini adalah satu persepsi yang salah kerana program yang ditawarkan adakalanya lebih mencabar daripada cara pembelajaran konvensional.

Walaupun demikian di OUM, katanya, menyediakan penyelia yang berkepakaran tinggi membantu para pelajar jarak jauh sepanjang pembelajaran.

Di OUM katanya, proses peperiksaan lisan yang dilakukan adalah ketat dan tiada orang akan mempersoalkan tentang kualiti program pasca siswazah kerana pemeriksa bukan sahaja di kalangan pensyarah OUM tetapi dari luar.

Misalnya bagi program Ph.D, sekarang-kurangnya dua daripada tiga pemeriksa wajib daripada institusi pendidikan tinggi lain.

"Pakar dalam bidang-bidang

“ Disebabkan saya pensyarah sepenuh masa saya terlalu banyak kerja dan kekangan masa adalah masalah saya. Bila jadi seorang pelajar online, masa saya fleksibel dan saya rasa universiti lain tidak dapat saingi OUM.”

Baljinder Singh Maghar Singh
Pelajar Ph.d

berkurangan.

Disebabkan itu juga katanya, para pensyarah di universiti OUM melaksanakan strategi-strategi tertentu terutamanya dalam fasa penyelidikan.

Bagi menjadikan proses penyelidikan pasca siswazah, kata beliau: "Pelajar perlu menyediakan kertas cadangan yang perlu diikuti dengan menerusi ujian kelayakan. Mereka hanya boleh mengikuti pengajian selepas lulus ujian kelayakan kerana perkara itu merupakan sesuatu yang amat penting".

"Kita sedar kalau pelajar tidak jelas dengan kertas cadangan sendiri, mereka kemungkinan besar akan berhenti daripada membuat Ph.D, jadi kami letak struktur pengajian yang khusus", tambah beliau lagi.

Dr Nagarajah berkata Pusat Pengajian Siawazah juga

itu dapat mengenalpasti kelemahan pelajar dan usaha membaikinya akan dilakukan sebelum mereka menghadiri ujian kelayakan atau VIVA.

Menurutnya, menyelia pelajar dewasa yang mengambil Ph.D yang mengikuti pembelajaran jarak jauh bukan satu perkara mudah kerana kebanyakan mereka ada komitmen sendiri.

"Kita tidak boleh suka-suka panggil mereka ke Kampus utama di Kuala Lumpur untuk berjumpa dengan pelajar. Kita tidak boleh menetapkan masa untuk bertemu dalam masa pejabat sebab pelajar kita datang dari pelbagai tempat termasuk dari Indonesia, mereka boleh hubungi kami bila-bila masa dan cara berhubung menggunakan Internet," katanya.

Menurut Dr.Nagarajah konvokesyen kali ini akan

dijadikan alasan untuk tidak meneruskan cita-citanya," kata pelajar dari Sarawak.

Baljinder merupakan salah seorang daripada tujuh graduan yang bakal menerima Ph.D pada majlis konvokesyen OUM yang akan diadakan November ini.

Beliau juga tidak menafikan sesuatu yang paling sukar dalam program Ph.D di OUM ialah terpaksa mengikuti penyelidikan bebas yang diwajibkan bagi memenuhi syarat graduasi.

Menceritakan pengalamannya ketika mahu memilih OUM, Baljinder berkata, beliau meneliti banyak program pengajian di universiti tempatan tetapi memilih OUM kerana konsepnya yang fleksibel. Ini kerana tugasnya sebagai pensyarah yang mengajar di Universiti Teknologi Mara cawangan Sarawak menyukarkannya memilih program di universiti lain.

"Saya memulakan pengajian Ph.D saya pada Januari 2007 dan pusat pembelajarannya adalah di Sarawak. Tapi, secara umumnya, program yang saya ikuti diselia pensyarah OUM di Kuala Lumpur.

"Saya tertarik dengan OUM kerana ia ada banyak cawangan termasuk di Sarawak. Saya

Menurutnya, semua pelajar Ph.D (Pendidikan) perlu mengikuti empat kursus asas sebelum meneruskannya dengan tesis dan penyelidikan.

"Faktor lain yang perlu diketahui ialah kakitangan OUM adalah yang terbaik. Jika OUM tiada pakar dalam satu-satu bidang, kami boleh mencadangkan penyelia Ph.D luar dan OUM akan meneliti sama ada orang itu layak atau tidak," katanya.

Satu lagi kelebihan OUM, katanya, OUM menyediakan penyelia Ph.D yang baik dalam bidang penyelidikan kuantitatif dan kualitatif.

Menurut Baljinder, "Pelajar boleh berbilang dengan penyelia dan dengan pelajar yang lain juga. Kaedah yang digunakan itu sememangnya sama seperti satu komuniti,"

Katanya, satu lagi ciri menarik OUM ialah perpustakaan digital dalam talian yang banyak membantu dan sungguh mudah untuk digunakan serta sangat komprehensif.

"Saya hampir tidak perlu layari perpustakaan digital dalam talian negara lain sebab semua maklumat yang saya mahukan boleh diperolehi di perpustakaan digital dalam talian OUM".

benar-benar berasa mereka dipantau secara dekat. Untuk pelajar dewasa, fleksibiliti sangat penting".

Kalau di universiti lain, ada banyak kekangan terutama dari segi masa kerana pelajar perlu berjumpa pensyarah yang biasanya hanya ada pada hari biasa dan waktu pejabat.

Jika seseorang itu melanjutkan pelajar ke peringkat Ph.D secara separuh masa, pelbagai masalah akan timbul terutama ketika mahu berjumpa dengan pensyarah atau penyelia kerana masanya sangat terbatas.

Di OUM juga banyak kursus secara online dan kalau pelajar tertinggal satu-satu kuliah mereka masih boleh dapat mengikuti kuliah kerana ada cakera padat rakaman disediakan untuk kuliah tertentu," katanya.

Dari segi pembayaran yuran, OUM juga fleksibel kerana jika seseorang pelajar tidak boleh membayar penuh, mereka boleh membayar separuh untuk satu-satu semester dan OUM juga ada insentif tertentu. Bagi kemudahan dalam talian, OUM menyediakan akses Internet selama dua jam termasuk kemudahan perpustakaan online.